KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	06/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JMG			

Amaran awal tanah runtuh

Sistem siren diletakkan di lokasi tanah tinggi, berisiko

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Semua kawasan tanah tinggi dan berisiko berlaku tanah runtuh akan diletakkan sistem amaran awal dalam bentuk digital untuk memberi amaran kepada masyarakat.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata sistem berbentuk siren itu akan diletakkan di semua kawasan berisiko, termasuk lokasi tiada penginapan dengan antara kawasan dilengkapi termasuk Gunung Jerai, Kedah serta beberapa lokasi di Sabah dan tanah tinggi, termasuk Cameron Highlands.

"Kita juga belum lagi menyemak sama ada kawasan tanah runtuh di Seksyen 27 Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands mempunyai sistem amaran awal ini.

"Secara umumnya kerajaan menerusi Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) mempunyai peta tapak lokasi berisiko tinggi.

"JMG akan menjalankan kajian dari segi risiko serta beberapa jabatan lain, termasuk Jabatan Perhutanan akan menguruskan sistem berkenaan. Ini adalah langkah proaktif kerajaan memberikan amaran awal berhubung kejadian tanah runtuh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Anugerah Kecemerlangan Yayasan Islam Kelantan (YIK) Peringkat Parlimen Kota Bharu, semalam, beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu berkata, kementeriannya giat menjayakan sistem amaran awal tanah runtuh berkenaan.

"Selain itu, kita juga akan menjalankan kempen kesedaran kepada rakyat yang berada di kawasan berisiko tinggi. Kita tidak mahu alat ada, tetapi tiada kesedaran dan gabungan dua perkara itu diharap akan dapat menangani tanah runtuh," katanya.



Takiyuddin (dua dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan pada Program Anugerah Kecemerlangan YIK Peringkat Parlimen Kota Bharu, semalam.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Pada 2 Disember lalu, dua lelaki meninggal dunia selepas kenderaan masing-masing tertimbus tanah runtuh di Seksyen 27 Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands.